

LAMPIRAN A1

SKIM PERKHIDMATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA)/PENOLONG PEGAWAI SENI BINA

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	: JA17, JA22, JA26, JA29/30, JA36, JA38
TARIKH KUAT KUASA	: 1 JULAI 2013

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PELUKIS PELAN (SENI BINA) GRED JA17

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Pendidikan Seni Visual atau Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM952.66); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,010.77); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pelukis Pelan (Seni Bina) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA17: RM1,068.89).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI SENI BINA GRED JA29

- (d) (i) sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau

- (ii) diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA17 dan Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

- 6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

- 9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA22**

- 10. Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA22 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA26**

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

11. Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA30**

12. (a) Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA17 atau JA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA30 yang kosong apabila telah:

- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d)(i) atau 1(d)(ii);
- (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- (b) Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Jurutera Gred JA30 yang kosong apabila telah:

- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA36**

13. Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED JA38**

14. Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA38 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE JAWATAN
ARKITEK GRED J41**

15. Penolong Pegawai Seni Bina yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pelukis Pelan dan Penolong Pegawai Seni Bina yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2009).